

Bahasa Melayu mempunyai kedudukan istimewa di negara ini. Pada masa ini bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan empat buah negara, iaitu Indonesia, Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura. Bahasa Melayu telah digunakan di kawasan ini (Kepulauan Melayu) sejak wujudnya kerajaan Melayu tua seperti kerajaan Campa dan Langkasuka. Zaman yang penting bagi bahasa Melayu ialah zaman keagungan kerajaan Melayu, iaitu Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Walaupun Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka tewas di tangan Portugis pada tahun 1511 dan orang Barat mula menguasai daerah Kepulauan Melayu, peranan bahasa Melayu kekal sebagai *lingua franca* antara mereka dengan masyarakat peribumi dan antara ahli masyarakat peribumi yang menuturkan pelbagai bahasa yang berlainan.

Kedatangan penjajah tidak mengakhiri penggunaan bahasa Melayu. Cabaran demi cabaran diharungi untuk mengekalkan bahasa Melayu sebagai bahasa utama. Bahasa Melayu juga telah banyak melalui pengalaman yang bermakna, sama ada dari awal hingga kini yang dapat dilihat daripada pelbagai aspek. Terdapat banyak tinggalan sejarah, yang menjadi bukti tentang penggunaan bahasa Melayu seperti batu bersurat, hasil sastera, kanun dan seumpamanya. Hal yang sedemikian ini memperkuatkan kesahihan keupayaan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang.

Namun demikian, pada abad ke-21 ini, bahasa Melayu telah meniti cabaran yang getir untuk mencapai hasrat dan wawasan negara dalam usaha meletakkan Malaysia setanding dengan negara

maju lain di dunia ini. Dunia kini diasak oleh arus globalisasi dan liberalisasi yang mengakibatkan perkembangan dalam semua aspek kehidupan. Rentetan hal tersebut, bahasa Melayu turut mengalami asakan yang menggoncangkan kedudukannya sebagai bahasa rasmi negara.

Isu tentang bahasa dan kecelaruan berbahasa yang dialami di negara ini ternyata bukan mudah untuk diselesaikan. Hal ini berkait rapat dengan osmosis budaya, keyakinan dan kerapuhan jati diri dalam kalangan masyarakat di Malaysia, terutama golongan muda yang menganggap isu bahasa sangat remeh dan tidak perlu dibesarkan, sedangkan perkara ini

amat bermakna untuk mengangkat martabat bahasa, budaya dan maruah negara. Kegilaan remaja dengan bahasa SMS di samping mencampuradukkan penggunaan bahasa sendiri dengan bahasa asing memburukkan keadaan dan menjejaskan imej bahasa. Malah, dalam rancangan realiti yang disiarkan melalui televisyen mencerminkan seolah-olah bahasa Melayu semakin tidak berperanan penting.

Penggunaan bahasa rojak, slanga atau khidmat pesanan ringkas (SMS) dalam media sosial yang mempengaruhi cara berbahasa di alam realiti adalah antara cabaran yang perlu ditangani bagi memartabatkan penggunaan bahasa Melayu dalam

kalangan masyarakat. Contohnya penggunaan kata yang telah diubah suai seperti *sihat* kepada *chat* atau *kasihan* kepada *cian*. Golongan remaja berkemahiran membina kosa kata yang berbentuk begini melalui aplikasi Wechat, WhatsApp dan Facebook kerana kurangnya kesedaran dan pendidikan terhadap penggunaan bahasa Melayu dengan tepat dan betul.

Sehubungan dengan itu, usaha harus dilakukan untuk melindungi bahasa Melayu yang telah diwarisi sejak turun-temurun tanpa menolak kemasukan budaya luar. Pengaruh budaya luar dapat ditangkis dengan kemantapan jati diri dan budaya tempatan yang sudah lama berakar umbi dalam diri masyarakat negara ini. Selain itu, guru turut memainkan

**Sehubungan dengan itu, usaha harus dilakukan untuk melindungi bahasa Melayu yang telah diwarisi sejak turun-temurun tanpa menolak kemasukan budaya luar. Pengaruh budaya luar dapat ditangkis dengan kemantapan jati diri dan budaya tempatan yang sudah lama berakar umbi dalam diri masyarakat negara ini.**

peranan penting menaikkan imej bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sejak pada peringkat tadika hinggalah institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Tugasan ini bukan hanya terletak di bahu guru subjek Bahasa Melayu sahaja, tetapi semua guru sewajarnya memahami kedudukan bahasa Melayu yang semakin dipinggirkan. Masa hadapan bahasa Melayu bergantung pada pengamal dan penuturnya. Bahasa Melayu akan mantap bukan sahaja kerana wujud pertuturan atau komunikasi dalam kalangan masyarakat, tetapi penyerlahan ketinggian martabat bahasa tersebut.

Peribahasa ada mengatakan bahawa "tak kenal maka tak cinta". Peribahasa ini jelas menunjukkan bahawa perlunya proses mengenali sebelum mencintai sesuatu. Begitu juga dengan bahasa kita. Apabila mengenali bahasa kebangsaan kita, kita akan sentiasa dapat menyemai sikap cinta akan negara walau di mana pun kita berada. Sebagai contoh, jika kita berpeluang untuk ke negara luar, kita seharusnya memperkenalkan bahasa Melayu dan berbangga apabila bertutur dalam bahasa ini. Jika sudah terbiasa, maka semakin tinggilah penghargaan kita terhadap bahasa kebangsaan ini. Selain itu, Malaysia juga sedang berusaha untuk merealisasikan wawasan TN50.

Dalam menjayakan wawasan ini, kita seharusnya mempunyai identiti sendiri yang mampu menaikkan nama negara di mata dunia.

Dari segi undang-undang, kedudukan bahasa Melayu amat teguh. Pertama, bahasa Melayu pada tahun 1957 telah dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai bahasa kebangsaan. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menegaskan bahawa "Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang melalui Parlimen". Begitu juga halnya dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 - Akta 32. Kemas Kini 2006 pula menegaskan bahawa "Bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) hendaklah digunakan bagi maksud rasmi". Dengan kata lain, bahasa Melayu telah dinobatkan untuk digunakan dalam semua urusan rasmi negara, sama ada pada peringkat kerajaan persekutuan, negeri, tempatan mahupun oleh badan-badan berkanun.

Melihat juga sikap pelajar yang mempelajari bahasa Melayu hanya untuk mendapat sekeping sijil tambah memburukkan keadaan. Selepas lulus atau mencapai kecemerlangan dalam

# Cabaran Pendaualatan BAHASA MELAYU

Oleh SITI NUR HIDAYAH OTHMAN BAKAR

